

OLEH : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
TEMPAT : MUTIARA HOTEL, KUALA LUMPUR
TARIKH : 14 APRIL 2003
TAJUK : UCAPAN SEMPERNA MAJLIS PERPISAHAN YBHG. DATUK
ABDULLAH HJ. KUNTOM KETUA PROTOKOL KEMENTERIAN LUAR
NEGERI

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

YB Datuk Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Luar Negeri

YBhg. Dato' Ahmad Fuzi bin Hj. Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri – Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang hormati sekalian,

Saya ingin terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada malam ini hadir di dalam Majlis Perpisahan bagi meraikan serta menghargai YBhg. Datuk Abdullah Haji Kuntom, Ketua Protokol Kementerian Luar Negeri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang telah mengatur persiapan bagi Majlis ini.

Datuk Abdullah, sebagaimana kita semua mengetahui akan menamatkan perkhidmatannya di Wisma Putra dan juga dengan Kerajaan pada hari ini kerana persaraan daripada perkhidmatan. Pada hari ini, 14 April 2003, genaplah tempoh selama empat tahun beliau memegang jawatan sebagai Ketua Protokol di Wisma Putra. Pada pandangan saya, sepanjang tempoh tersebut, Datuk Abdullah telah memberikan khidmat bakti yang amat cemerlang kepada Wisma Putra khasnya dan Negara amnya.

Walaupun beliau akui yang beliau bukanlah seorang "career diplomat" dan seorang "thoroughbred Wisma officer", beliau telah dapat menghayati tugas dan tanggungjawabnya sebagai Ketua Protokol dengan berkesan. Tugas seorang Ketua Protokol di Kementerian Luar Negeri bukanlah satu kerja yang mudah dan boleh dipandang ringan. Di dalam banyak situasi, Ketua Protokol sering menjadi front liner di dalam hubungan dengan negara-negara luar. Ini adalah kerana beliau sentiasa berhadapan dengan diplomat-diplomat asing dan juga pembesar-pembesar negara asing yang memerlukan beliau sentiasa "diplomatically correct" di dalam mengendalikan hubungan dengan mereka supaya tidak timbul insiden-insiden yang tidak manis.

Disebabkan dasar luar kita yang aktif, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk kita sentiasa memupuk hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan lain-lain negara, kita sering menerima lawatan-lawatan Ketua Negara dan lawatan-lawatan rasmi yang lain dan juga menjadi tuan rumah kepada berbagai mesyuarat dan persidangan antarabangsa. Urusan-urusan persediaan dan persiapan awal mengenai perkara-perkara tersebut melibatkan Ketua Protokol untuk memastikan lawatan dan sebagainya berjalan lancar dan tidak mendatangkan masalah kepada mereka yang berkunjung ke negara kita. Selain daripada itu, Ketua Protokol juga terlibat secara langsung di dalam berbagai upacara dan istiadat rasmi Kerajaan. Para hadirin sekalian,

Di sepanjang perkhidmatan beliau di Wisma Putra, dedikasi, kecekapan, kewibawaan, dan personaliti Datuk Abdullah yang senang didampingi memang dihargai semua. Selama empat tahun bertugas bersama di Wisma Putra, tidak mungkin saya boleh sebutkan satu persatu sumbangan yang telah beliau berikan, tetapi cukup bagi saya untuk menyatakan bahawa beliau sememangnya banyak memberi sumbangan ke arah mengharumkan nama Kementerian. Saya percaya beliau juga melalui banyak peristiwa pahit, manis dan juga mencuit hati dalam mengendalikan tugas-tugas beliau. Tetapi, beliau yang sentiasa cool walaupun under tremendous pressure, telah dapat mengharungi semuanya. Sememangnya, sikap dan perwatakan sebegini harus kita tauladani. Kepimpinan Datuk Abdullah di Bahagian Protokol selama empat tahun itu telah banyak menyumbang ke arah kecemerlangan Kementerian.

Warga Wisma Putra tentu akan merasakan suatu kehilangan yang amat besar dengan persaraan Datuk Abdullah. Namun begitu, kita semua perlu terima hakikat bahawa setiap daripada kita akan tiba juga masanya untuk meninggalkan perkhidmatan suatu hari kelak. Dalam kita mengucapkan perpisahan kepada beliau, kita harap yang beliau tahu bahawa perkhidmatan serta sumbangan bakti yang diberikan kepada Wisma Putra, khususnya selaku Ketua Protokol selama empat tahun itu, akan tetap dihargai dan menjadi kenangan kepada warga Wisma Putra. Kita semuanya berterima kasih kepada beliau dan juga keluarga kerana pengorbanan yang telah diberikan. Kita berharap beliau akan sentiasa berhubung atau "keep in-touch" dengan Wisma Putra walaupun sudah bersara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak isteri saya dan warga Wisma Putra semua mendoakan semoga beliau akan menikmati masa bersara dan mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini. Saya juga mendoakan semoga Datuk dan Datin serta keluarga akan sentiasa berada dalam kesejahteraan dan diberi kesihatan yang berterusan oleh Allah S.W.T.

Saya mohon hadirin untuk sama-sama memberikan "standing ovation" sebagai tanda penghargaan dan sanjungan tinggi kepada Datuk Abdullah Haji Kuntom.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SAJAK PERPISAHAN BUAT DATO' ABDULLAH KUNTOM

Wajah mu mengukir ketenangan
Hingar bingar kereta dan cakapan manusia
Direnong sahaja tanpa suara
Kau curah khidmat tanpa kira masa

Ada masa terguris senyuman kepuasan
Ada masa pula kau termenong keletihan
Namun kau terus mengolok langkah
Walaupun lembut tetapi mengatur ketegasan

Disepanjang masa kau bertemu semua
Raja dan ketua negara
Pemimpin beraneka
Bahasa mu teratur adab dan sopan
Tabah berhadapan berbagai cubaan
Bila tiba masa meletakkan segala dalam kenangan
Kau kan melalui hidup baru bernama
Pesara...

Apa yang nyata kan kau tempohi
Penoh yakin tidak kelihatan ragu di hati
Kami di sini mohon pada Illahi
Hidup baru mu akan terus direstui

Salam kaseh, sekalong budi
Disimpan dalam ingatan abadi
Menjadi contoh pada yang mengikuti
Membawa ilham di sepanjang masa

Selamat, selamat kami ungkapkan
Sejahtera hidup berpanjangan
Keluarga bahagia menjadi teman
Untuk azimat menempohi segala rintangan

Datuk Seri Syed Hamid Albar
Menteri Luar Negeri

14 April 2003